



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	26/4/2013

Najib, Muhyiddin bohongi rakyat, gadai janji

Oleh AZIZ MUDA

KUALA LUMPUR: Pemimpin BN, khususnya Najib Tun Razak dan Muhyiddin Yassin didakwa berbohong, apabila mereka banyak mengeluarkan kenyataan dan janji yang tidak benar.

TV3 pada jam 1.20 tengah hari 20 April lalu mengumumkan BN mencatat permulaan yang baik bagi menghadapi kempen PRU13 apabila menang tanpa bertanding bagi kerusi Dun Senggarang, Johor.

Berdasarkan berita itu, calon BN bagi kerusi berkenaan, Abd Aziz Ismail disahkan menang tanpa bertanding selepas borang pencalonan seorang lagi calon iaitu daripada PAS, Dr Ramli Kari ditolak pegawai pengurus pilihan raya kawasan berkenaan.

Mengulas perkara ini, Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu berkata, berita tersebut memetik kata-kata Timbalan Presiden Umno yang juga Timbalan Pengerusi BN, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memperlekehkan calon PAS, Dr Ramli Kari kononnya tidak pandai mengisi borang pencalonan.

Bagaimana pun katanya,



Mohamad Sabu

kenyataan Muhyiddin itu terbukti bohong kerana berita itu ternyata palsu, apabila SPR mengesahkan penyertaan calon PAS, Dr Ramli Kari bertanding di kawasan itu.

"PAS Kawasan Batu Pahat dalam laman Facebooknya turut mencatatkan PAS bertanding di Dun Senggarang.

"Jadi berita yang mengatakan BN menang tanpa bertanding di Senggarang adalah palsu. Ini adalah pembbohongan besar Muhyiddin kepada seluruh rakyat negara kita," katanya ketika dihubungi 23 April lalu.

Selain Muhyiddin, menurut Mohamad Sabu, Najib sendiri turut berbohong kepada rakyat dan kepada

ahli-ahli BN apabila mengatakan Naib Ketua Wanita Umno Malaysia, Dato' Kamilia Ibrahim telah ditawarkan untuk bertanding bagi kerusi Dun Bukit Chandan di Perak, sebelum Kamalia bertindak keluar parti dan bertanding sebagai calon Bebas.

Kenyataan Najib itu telah telah dinafikan oleh Kamalia sendiri yang telah bertindak keluar parti dan bertanding sebagai calon Bebas bagi kawasan Parlimen Kuala Kangsar, Perak.

"Kamalia mengambil keputusan keluar daripada Umno-BN kerana terlalu kecewa dengan tindakan Najib yang tidak mencalonkannya.

"Pada hal Kamalia itu adalah orang besar dalam parti itu. Beliau sepatutnya dilayan dengan baik oleh pemimpin-pemimpin Umno-BN," ujarnya.

Najib selaku Presiden Umno yang juga Pengerusi BN, tambah Mohamad Sabu, turut berbohong apabila berjanji kepada bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd Shariff Omar untuk dicalonkan bertanding bagi kerusi Parlimen Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

Tetapi pada hari penamaan calon 20-April lalu, katanya, Mohd Shariff yang juga bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang semasa BN memerintah Pulau Pinang dulu telah diketepikan dan digantikan Najib dengan Shahbudin Yahya.

"Tindakan itu telah menyebabkan Shariff mengambil tindakan yang sama seperti Kamalia Ibrahim yang telah keluar daripada Umno-BN dan bertanding atas tiket Bebas di Parlimen Tasek Gelugor untuk berhadapan dengan calon BN dan calon PAS, Dato' Seri Abdul Rahman Maidin," katanya.

Senario itu, menurut Mohamad Sabu lagi, membuktikan slogan "Janji Ditepati" yang dilaungkan oleh Najib dan para pemimpin Umno-BN tidak boleh dipercayai oleh rakyat negara ini kerana ia hanyalah se-kadar laungan bagi mereka sahaja.

"Jika kepada para pemimpin parti itu sendiri pun sanggup dibohongi dan diperlakukan seperti itu oleh Najib, apatah lagi kepada ahli-ahli peringkat bawahan parti itu dan kepada orang ramai yang tidak menyokong Umno-BN," ujar beliau.

Harakah - 26/4/2013